

14 MAR 2001

Pelancongan-Anugerah (Bergambar)

IKLAN PELANCONGAN M'SIA "MALAYSIA TRULY ASIA" MENANG ANUGERAH EMAS PATA

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Iklan Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia, "Malaysia truly Asia", dipilih menerima satu daripada Anugerah Emas 2001 Persatuan Pelancongan Pasifik-Asia (PATA).

Iklan itu adalah pemenang bagi kategori media elektronik dan anugerah berkenaan akan disampaikan pada satu majlis makan tengah hari pada Persidangan Tahunan PATA ke-50 pada 9 April di sini.

Menurut siaran media yang disiarkan pada laman web PATA, anugerah itu adalah antara 25 kategori dalam Anugerah Emas PATA yang antara lain termasuk kategori pendidikan dan latihan, pelancongan berasaskan alam sekitar, warisan dan budaya, poster pelancongan dan buku panduan pelancongan.

Anugerah juga diberi bagi program pemasaran antarabangsa terbaik, program alam sekitar korporat, program pendidikan alam sekitar, laman web, kempen perhubungan awam, foto pelancongan dan artikel pelancongan oleh wartawan.

"Program yang memenangi anugerah itu dipilih daripada hampir 300 pencalonan Anugerah Emas oleh satu panel pakar antarabangsa dalam setiap kategori yang terbuka kepada anggota PATA," kata kenyataan itu.

Ketua Pengarah Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia Abdullah Haji Jonid ketika dihubungi untuk mengulas kemenangan itu berkata Pelancongan Malaysia sudah dimaklumkan oleh PATA mengenainya baru-baru ini.

"Pelancongan Malaysia sangat berbangga mendapat perakuan itu dan saya yakin ini akan menyemarakkan kami untuk bekerja dengan lebih kuat untuk masa akan datang ke arah menjadikan Malaysia sebagai satu daripada destinasi utama di rantau ini," katanya kepada Bernama.

Iklan televisyen "Malaysia Truly Asia" yang disiarkan pada masa ini oleh CNN International adalah sebahagian daripada promosi pemasaran antarabangsa Pelancongan Malaysia.

Sebelum itu, Abdullah menerima kunjungan delegasi Pejabat Pelancongan Kerajaan Macau (MGTO) yang diketuai pengarahnya Joao Manuel Costa Antunes di pejabat beliau di sini.

Antunes dan rombongan berada di sini untuk lawatan dua hari bagi memeriksa lokasi Persidangan Tahunan PATA yang akan berlangsung dari 8 April hingga 12 April di Pusat Dagangan Dunia Putra. MGTO adalah penaja Anugerah Emas PATA.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan persidangan lima hari itu pada 9 April.

Sementara itu, Antunes menyuarakan keyakinan beliau bahawa Malaysia mampu menganjurkan persidangan itu dengan jayanya memadangkan Malaysia mempunyai rekod kejayaan yang telah terbukti. Kali terakhir Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan PATA ialah pada 1986.

"Kami menghantar pasukan yang besar untuk menghadiri persidangan itu, ia adalah sebahagian daripada persediaan kami memadangkan Macau akan menjadi tuan rumah persidangan itu pada 2005," katanya.

-- BERNAMA

AT AZZ LAT